




# *Seremban* **BEBAS** **BEG PLASTIK, PENYEDUT MINUMAN PLASTIK DAN POLISTIRENA**

**PENGUATKUASAAN MULAI 1 JANUARI 2022**



**WISMA MBS, PERSIARAN FOREST HEIGHT 1,  
JALAN SEREMBAN - TAMPIN,  
70450 SEREMBAN,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**Telefon : 06-7654333 Email : [aduan@mbs.gov.my](mailto:aduan@mbs.gov.my) Fax : 06-7654889**



SEREMBAN KE ARAH

# BEBAS PLASTIK DAN POLISTIRENA

PENGUATKUASAAN MULAI  
1 JANUARI 2022

## KATAKAN **TIDAK** KEPADA BEG PLASTIK, PENYEDUT MINUMAN PLASTIK DAN POLISTIRENA!

### APA ITU **PLASTIK**?

Plastik diperbuat dari bahan petrokimia, yang terdiri dari sebatian yang mengandungi karbon disebut polimer. Polimer terdiri daripada berulang sebatian karbon yang dipanggil monomer. Susunan monomer berlainan atau pelbagai jenis monomer yang digunakan menghasilkan pelbagai jenis plastik dengan sifat dan ciri yang berbeza.

### APA ITU **POLISTIRENA**?

Polistirena dicipta dengan menyuntik polimer plastik (polisterina) dengan gas seperti HCFC 22, CFC 11, atau CFC 12 (gas klorofluorokarbon yang boleh meneruskan ozon) atau petana & menukarkannya kepada bahan yang kembang (puffy material) untuk membentuk bekas-bekas makanan. Bahan kimia toksik seperti stirena, benzena & etilena diguna untuk membuat bekas polistirena

#### APAKAH KESAN PETROKIMIA DAN STIRENA TERHADAP KESIHATAN MANUSIA?

1. Mengganggu fungsi hormon
2. Bersifat karsinogen yang boleh menyebabkan kanser
3. Menyebabkan obesiti
4. Gangguan metabolisme
5. Menyebabkan masalah tiroid (thyroid)
6. Menyebabkan masalah sistem saraf
7. Memberi kesan kepada buah pinggang

#### APAKAH KESAN PETROKIMIA DAN STIRENA TERHADAP ALAM SEKITAR?

1. Mengakibatkan pencemaran alam sekitar secara kritikal kerana beg plastik dihasilkan daripada petroleum
2. Plastik dan polistirena sukar untuk dilupus dan tidak akan mereput dalam masa singkat dan sesetengahnya mengambil masa 400 - 1000 tahun untuk diuraikan
3. Penghasilan dan pengeluaran beg plastik menyebabkan pelepasan karbon yang menjejaskan lapisan ozon dan mengakibatkan kesan pencemaran udara

#### APAKAH TINDAKAN KITA?

1. Penggantian beg plastik kepada beg kertas atau beg plastik dari jenis mudah terurai (biodegradable and compostable)
2. Bekas makanan jenis polisterin digantikan dengan bekas jenis kertas, biodegradable atau bekas plastik LDP (Low Density Polyethylene) dan PP5 (Polypropylene)
3. Penggantian penyedut minuman plastik kepada jenis kertas dan hanya diberikan atas permintaan sahaja
4. Mulakan perubahan dengan membawa beg dari rumah dan bawa bekas makanan anda sendiri